

### LATIHAN-LATIHAN YANG DISEDIAKAN

Program-program latihan dan bimbingan keusahawanan yang dijalankan oleh INSKEN adalah:

#### 1. Latihan Pembudayaan Keusahawanan

Meliputi program-program pembudayaan kepada pelbagai lapisan masyarakat:

- Peringkat Sekolah Rendah (Program Perintis Usahawan)
- Peringkat Sekolah Menengah (Program Usahawan Muda)
- Peringkat IPT
  - Program Pembangunan Usahawan Siswa (PPUS),
  - Latihan Keusahawanan Siswa (LKS),
  - Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS),
  - Skim Usahawan Siswazah (SUS)
- Peringkat Masyarakat Umum - Terbuka untuk umum

#### 2. Latihan Pengenalan Keusahawanan

Program-program pengenalan keusahawanan merangkumi kursus, seminar dan bengkel bagi memberikan pendedahan ilmu keusahawanan kepada golongan yang bakal menceburi dalam bidang tersebut serta kursus kepada usahawan yang sedia ada.

- **Latihan Asas Perniagaan (LAP)**  
Merangkumi latihan-latihan mengikut keperluan dan kesesuaian kepada bakal usahawan dan usahawan berkaitan selok belok perniagaan termasuk aspek pengurusan, pemasaran, pengembangan dan sebagainya.
- **Skim Latihan Galakan Perniagaan (SLGP)**  
Khusus bagi kakitangan kerajaan kumpulan Sokongan (Bumiputera) yang berhasrat untuk meletak jawatan, bersara wajib atau pilihan.
- **Latihan Pewujudan Usahawan (LPU)**  
Kursus bagi pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bumiputera) yang berhasrat untuk meletak jawatan, bersara wajib atau pilihan.

#### 3. Latihan Peningkatan/Pemantapan/Pengkayaan

Menyediakan latihan lanjutan bagi usahawan mempertingkatkan ilmu keusahawanan dalam bidang khusus seperti pemasaran strategik, kewangan strategik, pengurusan persaingan dan sebagainya.

### PUSAT BIMBINGAN USAHAWAN NEGARA (PSUN)

- Memberi khidmat nasihat kepada bakal usahawan dan para usahawan
- Menyediakan maklumat dan panduan keusahawanan.

### PUSAT SUMBER KEUSAHAWANAN

Sumber rujukan bagi orang ramai mendapatkan maklumat dalam bidang ilmu keusahawanan

#### Waktu Perkhidmatan

ISNIN – JUMAAT : 8.30pagi – 4.30petang



KEMENTERIAN PERDAGANGAN  
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)  
No 18, Persiaran Perdana  
Ara 2-3, Blok Menara, Presint 2  
62652 Putrajaya

[www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)

[www.insken.gov.my](http://www.insken.gov.my)

TEL: 03-88805796/5721/5861/5818

FAKS: 03-88805793/5794



**INSKEN**  
INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA  
DAN INDUSTRI (MITI)



# Pengenalan

Penubuhan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) pada 12 Januari 2005 merupakan satu komitmen kerajaan dalam strategi membudayakan keusahawanan di kalangan bumiputera. INSKEN berperanan besar dalam menyediakan program-program pembangunan dan latihan keusahawanan kepada masyarakat umum khususnya golongan bumiputera.

## FUNGSI INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA (INSKEN)

- Melaksana program pembangunan keusahawanan
- Mengendalikan program latihan keusahawanan
- Menjadi pusat rujukan dan khidmat nasihat keusahawanan
- Menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan latihan keusahawanan dan risikan pasaran
- Mengendalikan program pengimbangan dan jaringan keusahawanan
- Membangunkan kurikulum latihan keusahawanan

## SEKSYEN-SEKSYEN INSKEN

### i) Seksyen Penyelidikan Dan Pembangunan

- Mengesan dan menilai impak pelaksanaan program program keusahawanan;
- Melaksanakan Kajian Analisis keperluan Latihan Keusahawanan bagi menyediakan kurikulum yang bersesuaian dengan keperluan dan kehendak pasaran;
- Melaksanakan Kajian Profil dan Buku Panduan Perniagaan dalam pelbagai bidang;
- Mengadakan pelbagai kajian berkaitan keusahawanan
- Menyediakan bahan-bahan bacaan seperti buletin, majalah, jurnal dan sebagainya.

### ii) Seksyen Pembangunan Kurikulum

- Membangunkan kurikulum latihan keusahawanan bersepadu yang boleh diguna pakai oleh semua agensi pengendali latihan keusahawanan;
- Menyelaras pelaksanaan program-program keusahawanan oleh agensi atau institusi kerajaan yang menyediakan program latihan keusahawanan bertujuan untuk membangunkan program-program latihan yang bersesuaian, memaksimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kerjasama;
- Mengurus pendaftaran dan penyediaan pangkalan data syarikat pengendali latihan keusahawanan.

### iii) Seksyen Pembangunan Keusahawanan

- Melaksanakan program-program pembangunan kepada pelbagai lapisan masyarakat merangkumi pelajar-pelajar

sekolah rendah dan menengah, siswa-siswa universiti dan masyarakat umum.

### ✓ Peringkat Sekolah Rendah

- Program Perintis Usahawan
- ✓ Peringkat Sekolah Menengah
- Program Usahawan Muda

### ✓ Peringkat IPT

- Program Pembangunan Usahawan Siswa (PPUS),
- Latihan Keusahawanan Siswa (LKS),
- Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS),
- Skim Usahawan Siswazah (SUS)
- ✓ Peringkat Masyarakat Umum
- Terbuka untuk umum.

### iv) Seksyen Pengenalan Keusahawanan

- Program-program pengenalan keusahawanan merangkumi kursus, seminar dan bengkel bagi memberikan pendedahan dunia keusahawanan kepada golongan yang bakal menceburi bidang tersebut.
- Latihan Pengenalan Keusahawanan yang dilaksanakan iaitu :

### Latihan Asas Perniagaan (LAP)

Merangkumi latihan-latihan mengikut keperluan dan kesesuaian kepada bakal usahawan dan usahawan berkaitan asas perniagaan termasuk aspek pengurusan, pemasaran, kewangan dan sebagainya.

### Skim Latihan Galakan Perniagaan (SLGP)

Khusus bagi kakitangan kerajaan kumpulan Sokongan (Bumiputera) yang berhasrat untuk meletak jawatan, bersara wajib atau pilihan serta berminat untuk menceburi bidang perniagaan sepenuh masa.

### Latihan Pewujudan Usahawan (LPU)

Kursus bagi pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bumiputera) yang berhasrat untuk meletak jawatan, bersara wajib atau pilihan serta berminat untuk menceburi bidang perniagaan sepenuh masa.

### v) Seksyen Peningkatan

- Menyediakan latihan lanjutan bagi usahawan untuk meningkatkan ilmu keusahawanan dalam bidang khusus seperti pemasaran strategik, kewangan strategik, pengurusan persaingan, restoran & katering, dobi dan sebagainya.

### vi) Seksyen Pengembangan dan Jaringan

- Mengadakan kerjasama dengan Dewan Perniagaan & Perindustrian dan NGO untuk menjalankan jaringan dengan para usahawan;
- Membantu peserta dan bekas peserta kursus dalam mendapatkan lain-lain kemudahan/ bantuan kerajaan seperti pembiayaan dan pemasaran;
- Melancarkan, melaksana dan menyelenggarakan program keusahawanan wanita;
- Mengadakan susulan dan pemantauan.

### vii) Seksyen Bimbingan Keusahawanan

- Menyediakan khidmat nasihat/bimbingan/pemudahcara serta menyampaikan maklumat kepada bakal usahawan dan para usahawan;
- Menyediakan pelbagai bahan rujukan yang mencukupi/ terkini;
- Mengurus Pusat Bimbingan Usahawan Negara (PBUN); dan
- Menyelaras dan memantau program latihan di peringkat negeri dan daerah.

### (viii) Seksyen Pentadbiran dan Kewangan

- INSKEN menyumbang kepada hasil terimaan Kerajaan melalui kutipan yuran pendaftaran peserta-peserta kursus seminar dan seumpamanya.

